

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

8. Status Majlis Pengurusan Komuniti dan Kampung (MPKK) di Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap MPKK di Negeri Pulau Pinang susulan daripada perubahan pentadbiran di Kerajaan Persekutuan?
 - (b) Apakah proses atau langkah-langkah yang terlibat sekiranya MPKK ditukar kembali ke Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK)?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. (a) Objektif utama penubuhan MPKK adalah sebagai jentera kerajaan di peringkat akar umbi bagi membantu menyampaikan perkhidmatan kerajaan termasuk maklumat dasar-dasar kerajaan dan program serta skim bantuan kepada rakyat.

Selain itu MPKK juga akan menyampaikan segala keluhan dan permasalahan rakyat kepada Kerajaan. Sehubungan itu fungsi MPKK perlulah dilaksanakan sepanjang masa.

Setelah berlaku perubahan kerajaan di peringkat persekutuan, Kerajaan Negeri telah diarah untuk menangguhkan segala urusan MPKK termasuk bayaran elaun-elaun yang menggunakan peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telahpun membuat keputusan untuk meneruskan bayaran elaun-elaun

berkaitan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

- (b) Peranan, struktur, dasar dan tatacara pengurusan MPKK dan juga JKKK adalah sama. Pertukaran nama pada bulan Disember 2018 yang lalu hanya untuk tujuan penjenamaan semula dan penyelarasannya di semua negeri-negeri. Justeru itu, sekiranya MPKK ditukar kembali kepada JKKK maka tiada perbezaan dari segi struktur dan juga tatacara pengurusan. Hanya perubahan dari segi pindaan nama.